



DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA
[GUAMAN NO: BA-22NCvC- 116-03/2020]

ANTARA

1. **BLUEPRINT PLANNING INTERNATIONAL SDN. BHD.**
(No. Syarikat : 1019648-K)
2. **BLUEPRINT PLANNING SDN.BHD.**
(No. Syarikat : 836803-W) ... PLAINTIF-PLAINTIF

DAN

1. **NG WERN PING**
(No. KIP : 800714-14-5961)
2. **GOR SHEAU SHUENN**
(No. KIP: 871206-23-5889)
3. **WONG LI YUIN**
(No. KIP: 800131-01-5610)
4. **ROZANNA BINTI ABDUL RASHID**
(No. KIP: 830510-10-5092)
5. **STELLA LER PEI GHEE**
(No. KIP: 880922-43-5624)
6. **SENG LIANG AN**
(No. KIP: 840717-04-5153) ... DEFENDAN-DEFENDAN



GROUNDS OF JUDGMENT

INTRODUCTION

- [1] In spite of several decisions of our apex court that an interlocutory decision of the trial court which does not finally disposes of a party's rights is not appealable, the Defendants in the present case have still filed an appeal against this Court's interlocutory decision which dismissed its application under O. 18 r. 19 to summarily strike out the Plaintiffs' action against them. The apex court's judgments in *Asia Pacific Higher Learning Sdn Bhd v. Majlis Perubatan Negara* [2020] 1 MLRA 683 *Kempadang Bersatu Sdn Bhd v. Perkayuan OKS No. 2 Sdn Bhd* [2019] 2 MLRA 429 and the Court of Appeal's decision in *Datuk Seri Tiong King Sing v. Datuk Seri Ong Tee Keat* [2014] MLRAU 313 (Court of Appeal) (dismissing of discovery application) and in *Syarikat Tingam Timber Sdn Bhd v. Takang Timber Sdn Bhd* [2003] 1 MLRA 90 (ruling on inadmissibility of evidence) seem to have escaped the attention of some practitioners of law.
- [2] The Plaintiffs sue the Defendants under several causes of action for conspiracy, breach of fiduciary duties, breach of contract for services, declaratory orders and for recovery of losses and damages.
- [3] By Enclosure 10, the Defendants made an application under O. 18 r. 19 of the Rules of Court 2012 to summarily strike out the Plaintiffs' action against the Defendants. The grounds of application relates to the alleged lack of substantive merits in the Plaintiffs' claims.



- [4] The cause papers filed and exchanged in respect of Enclosure 10 application are:
- (1) Writ Saman bertarikh 19.03.2020;
 - (2) Pernyataan Tuntutan bertarikh 19.03.2020;
 - (3) Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendan bertarikh 29.05.2020;
 - (4) Jawapan kepada Pembelaan dan Pembelaan kepada Tuntutan Balas bertarikh 12.06.2020;
 - (5) Notis Permohonan Defendan-Defendan [Lampiran 1O] untuk pembatalan Pernyataan Tuntutan bertarikh 14.07.2020;
 - (6) Afidavit Sokongan Defendan-Defendan yang diikrarkan oleh Defendan Ketiga pada 15.07.2020;
 - (7) Afidavit Jawapan Plaintiff-Plaintif yang diikrarkan oleh Normaria binti Omar pada 29.07.2020; and
 - (8) Afidavit Jawapan Defendan-Defendan yang diikrarkan oleh Defendan Ketiga pada 12.08.2020
- [5] After having read and considered the parties' respective written submissions and having heard the oral submissions of the parties' respective counsel, this Court on 2nd October 2020 dismissed the Defendants' application in Enclosure 10.
- [6] The Defendants have filed an appeal against the dismissal of their application in Enclosure 10.



PRINCIPLES OF STRIKING OUT

[7] The principles of law in relation to striking out applications are clear. The authority to be followed for such applications is the case of *Bandar Builders Sdn Bhd & Ors v. United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 3 MLJ 36 where Mohamed Dzaiddin bin Hj Abdullah SCJ (later CJ) held as follows:

"The principles upon which the court acts in exercising its power under any of the four limbs of O. 18 r. 19(1) of the Rules of the High Court are well settled. It is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under this rule (per Lindley MR in Hubbuck v. Wilkinson [1899] 1 QB 86, at p 91), and this summary procedure can only be adopted when it can be clearly seen that a claim or answer is on the face of it 'obviously unsustainable' (Attorney-General of Duchy of Lancaster v. L & NW Ry Co [1892] 3 Ch 274 (CA)). It cannot be exercised by a minute examination of the documents and facts of the case, in order to see whether the party has a cause of action or a defence (Wenlock v. Moloney [1965] 1 WLR 1238; [1965] 2 All ER 871 (CA))

...

... It has been said that so long as the pleadings disclose some cause of action or raise some question fit to be decided by the judge, the mere fact that the case is weak and not likely to succeed at the trial is no ground for the pleadings to be struck out (Moore v. Lawson [1915] 31 TLR 418 (CA)); (Wenlock v. Moloney). "



- [8] In the case of *Metroplex Holdings Sdn Bhd v. Commerce International Merchant Bankers Bhd* [2013] 4 MLJ 520, the Court of Appeal had held as below:-

*“[23] Striking out is only adopted when it is conspicuously clear that the claim is obviously unsustainable. The court must be guided by the root word ‘obviously’ because that word is the guiding light which shows that the claim must be plainly or evidently unsustainable in law before the claim is struck out (*Pet Far Eastern (M) Sdn Bhd v. Tay Young Huat & Ors* [1999] 5 MLJ 558 (HG)). Such power should only be exercised by the court sparingly (*Affin Bank Bhd v. Eye Bee Sdn Bhd* [2005] 7 MLJ 1; *Rosian bin Abdullah v. New Zealand Insurance Co Ltd* [1981] 2 MLJ 324 (FC); *Oatuk Ir Che Amran bin Mohd Yusoff v. Yayasan Melaka & Others* [2003] MLJU 7; *Seng Huat Hang Sdn Bhd & Ors v. Chee Seng & Co Sdn Bhd* [1987] 1 MLJ 413 (HG); *Mooney & Ors v. Peat, Marwick, Mitchell & Co & Anor* [1967] 1 MLJ 87 (HG); *Honan Plantations Sdn Bhd v. Kerajaan Negeri Johar & Anor and another appeal* [1998] 2 MLJ 498 (CA); *Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v. United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 3 MLJ 36 (SC); and *S Manickam & Ors v. Ismail bin Mohamad & Ors* [1997] 2 MLJ 90).*

*[24] If the pleadings disclose some cause of action or has raised some question fit to be decided, then it is appropriate that the case should be set down for trial, no matter how slight the chances are of succeeding (*Saripah bte Manap & Ors v. Emar Sdn Bhd (in dissolution) & Ors* [1998] 1 MLJ 323 (HG)). And when there are issues to be determined by way of discovery or by way of cross-examination, then the summary process of*



striking out is not appropriate (Omega Holdings Bhd v. Dato' Tiah Thee Kian & Ors [2002] 6 MLJ 20.)”

- [9] Further, in the case of *Datuk Ir Che Amran Mohd Yusoff v. Yayasan Melaka & Ors* [2003] 1 CLJ 767, the Court has held as below:-

“It has been stated ever so often by our courts that it is only in absolutely plain and obvious cases that a plaintiff’s claim or action or a party’s pleadings would be struck out under any of the limbs of O. 18 r. 19(1): See eg, Rosian Abdullah v. New Zealand Insurance Co Ltd [1981] 1 LNS 40; [1981] 2 MLJ 324 FC.

In the instant case, there are serious conflicts or controversies in the multifarious affidavits filled by the parties herein. I am neither bound nor prepared to resolve these conflicts or controversies at this premature affidavit stage, but would only resolve them by way of mature consideration of viva voce evidence adduced at a full hearing of the action herein: Kantan Jaya Marine Services (Pg) Sdn Bhd v. RHB Bank Bhd [2001] 2 CLJ 738; Hii Heng Tuong Alphonsus v. Lok Min Wah & Ors [1995] 4 CLJ 350 HG.

- [10] It could also be said that as for limb (b), the test is the same consideration on the claim being obviously unsustainable and that for limb (d), it arises when the process of the Court is not used in a bona fide manner and has been abused (see the Court of Appeal’s decision in *Harapan Permai Sdn Bhd v. Sabah Forest Industries Sdn Bhd* [2010] 3 MLRA 37; [2011] 2 MLJ 192; [2011] 1 CLJ 285) and the said claim must also be proven to be obviously unsustainable (see another Court of Appeal decision of *Zainal Abidin Hamid @ S Maniam v. Kerajaan*



Malaysia [2009] 2 MLRA 626; [2009] 6 MLJ 863; [2009] 6 CLJ 683).

PLEADED CASE OF THE PLAINTIFF

[11] *The relevant parts of the Plaintiffs' Statement of Claims are reproduced:*

- "9. Defendan Pertama telah dilantik sebagai Wakil Penasihat Kewangan ("Financial Adviser Representative") dengan Plaintiff Pertama efektif 19.02.2014, dan Perancang Kewangan Berlesen ("Licensed Financial Planner") dengan Plaintiff Kedua efektif 28.11.2014.
10. Defendan Kedua telah dilantik sebagai Wakil Penasihat Kewangan ("Financial Adviser Representative") dengan Plaintiff Pertama efektif 01.04.2015, dan Perancang Kewangan Berlesen ("Licensed Financial Planner") dengan Plaintiff Kedua efektif 15.04.2015.
11. Defendan Ketiga telah dilantik sebagai Wakil Penasihat Kewangan ("Financial Adviser Representative") dengan Plaintiff Pertama efektif 08.01.2013, dan Perancang Kewangan Berlesen ("Licensed Financial Planner") dengan Plaintiff Kedua efektif 14.04.2011. Defendan Ketiga juga merupakan bekas Ketua Pegawai Eksekutif ("Chief Executive Officer" atau "CEO") plaintiff pertama, bekas pengarah dan pemegang saham keduadua Plaintiff.
12. Defendan Keempat telah dilantik sebagai Wakil Penasihat Kewangan ("Financial Adviser Representative") dengan Plaintiff Pertama efektif 28.08.2018, dan Perancang Kewangan Berlesen ("Licensed Financial Planner") dengan Plaintiff Kedua efektif 22.07.2018.



13. *Defendant Kelima telah dilantik sebagai Wakil Penasihat Kewangan (“Financial Adviser Representative”) dengan Plaintiff Pertama efektif 25.09.2018, dan Perancang Kewangan Berlesen (“Licensed Financial Planner”) dengan Plaintiff Kedua efektif 19.08.2018.*
14. *Defendant Keenam telah dilantik sebagai Wakil Penasihat Kewangan (“Financial Adviser Representative”) dengan Plaintiff Pertama efektif 09.10.2018, dan Perancang Kewangan Berlesen (“Licensed Financial Planner”) dengan Plaintiff Kedua efektif 19.08.2018.*
15. *Kesemua Defendant telahpun menandatangani kontrak yang mempunyai terma-terma yang serupa dan oleh itu terma kontrak-kontrak antara kedua-dua Plaintiff dan Defendant-defendant akan dibaca sekali dalam pernyataan tuntutan ini.*
16. *Perenggan 6.2 (a) di muka surat 8 kontrak dan/atau perjanjian Defendant-Defendant dengan Plaintiff Pertama, yang merujuk kepada waranti dan kovenan (“warranties and covenants”) Defendant-Defendant, menyatakan bahawa:- “To terminate any contract that the Financial Adviser ‘s Representative have with any other companies with the Financial Advisory License prior to this new contract and you are not allow to have any future contract of this nature without the consent of the Company.”*
17. *Perenggan 6.2 (a) di muka surat 8 kontrak dan/atau perjanjian Defendant-Defendant dengan Plaintiff Kedua, yang merujuk kepada waranti dan kovenan (“warranties and covenants”) Defendant-Defendant, menyatakan bahawa:- “To terminate any contract that the Licensed Financial Planner have with any other companies with the*



Financial Advisory License prior to this new contract and you are not allow to have any future contract of this nature without the consent of the Company.”

18. *Perenggan 11 di muka surat 10 kontrak dan/atau perjanjian Defendan-Defendan dengan Plaintiff Pertama, yang merujuk kepada terma dan syarat-syarat eksklusiviti kontrak (“Exclusivity Clause”), menyatakan bahawa:-*

“Under this Agreement, it is understood that your appointment as Financial Adviser’s Representative of Blueprint Planning International Sdn. Bhd. is on an exclusive basis, thereby you will solely perform advisory services for the Clients, for and on behalf of Blueprint Planning International Sdn. Bhd.”

19. *Perenggan 11 di muka surat 10 kontrak dan/atau perjanjian Defendan-Defendan dengan Plaintiff Kedua, yang merujuk kepada terma dan syarat-syarat eksklusiviti kontrak (“Exclusivity Clause”), menyatakan bahawa:-*

“Under this Agreement, it is understood that your appointment as CMSRL (“Licensed Financial Planner”) of Blueprint Planning Sdn. Bhd. is on exclusive basis, thereby you will solely perform advisory services for the Clients, for and on behalf of Blueprint Planning Sdn. Bhd.”

20. *Sejak Defendan Ketiga menyertai Plaintiff-Plaintif dan menjadi CEO Plaintiff Pertama dan Pengarah Plaintiff-Plaintif, Defendan Ketiga merupakan seorang yang diamanahkan dengan tanggungjawab di mana Defendan Ketiga mempunyai akses kepada harta intelek, sistem-sistem dan rahsia perdagangan Plaintiff-Plaintif, dan Defendan-defendan lain dalam kapasiti mereka masing-*



masing menerima latihan dan bimbingan yang intensif daripada Plaintiff-Plaintiff untuk berjaya dalam kerjaya mereka dengan Plaintiff-Plaintiff.

21. Tiba-tiba, pada bulan Ogos 2018, Defendan Ketiga memberikan surat peletakan jawatan sebagai Pengarah. Walaubagaimanapun, Plaintiff-plaintif telah berunding dengan Defendan Ketiga, di mana Defendan Ketiga juga mengenepikan peletakan jawatannya. Namun demikian, masa ini merupakan permulaan konspirasi Defendan-Defendan dalam tindakan mereka untuk mencuri dan memusnahkan perniagaan Plaintiff-Plaintif.
22. Pada bulan Julai 2018, Defendan Ketiga telah memperkenalkan Defendan Keempat kepada Plaintiff-Plaintif dan telah melantik Defendan Keempat sebagai Wakil Penasihat Kewangan dan Perancang Kewangan Berlesen dengan Plaintiff-Plaintif.
23. Pada bulan Ogas 2018, Defendan Kelima dan Keenam juga telah bermula bekerja dengan Plaintiff-Plaintif dan dilantik sebagai Wakil Penasihat Kewangan dan Perancang Kewangan Berlesen dengan Plaintiff-Plaintif.
24. Pada bulan Januari 2019, Plaintiff-Plaintif telah mengadakan satu aktiviti “team building” di Mantin, Negeri Sembilan di mana kesemua penasihat dan wakil Plaintiff-Plaintif hadir, termasuk kesemua Defendan-Defendan. Sejak aktiviti tersebut, kesemua Defendan-Defendan telah menjadi rapat dan seringkali keluar bersama, dan bersamasama tidak akan menghadirkan diri pada mesyuarat yang berlaku pada setiap hari Isnin di pejabat Plaintiff-Plaintif, yang merupakan satu mesyuarat



penting yang patut dihadiri oleh semua penasihat dan wakil Plaintiff-Plaintif.

25. Defendan-Defendan juga telah daripada bulan Januari 2019 menjadi rapat dengan seorang pekerja Plaintiff Pertama bernama Lim Syu Ying yang akan selalu keluar bersama dengan kesemua Defendan-Defendan dan mempengaruhinya untuk bertindak menentang Plaintiff-Plaintif.
26. Pada bulan Januari 2019 juga, Defendan Ketiga juga membuat susulan berkenaan peletakan jawatannya sebagai pengarah, dan juga meminta Plaintiff Pertama memproses peletakan jawatannya sebagai CEO. Walaupun peletakan jawatannya sebagai CEO diterima pada masa ini dan peletakan jawatan sebagai Pengarah diselesaikan pada bulan Mac 2019, Defendan Ketiga masih lagi mempunyai akses kepada “dropbox” Plaintiff-Plaintif, di mana Defendan Ketiga mempunyai akses kepada informasi sensitif Plaintiff-Plaintif, dan telah memadam danlatau memindah danlatau membuat salinan informasi tersebut.
27. Pada bulan Mei 2019, Defendan Ketiga menyatakan bahawa dia ingin meletakkan jawatannya sebagai Wakil Penasihat Kewangan dan Penasihat Kewangan Berlesen dengan Plaintiff- Plaintiff pada akhir bulan Jun 2019. Walaubagaimanapun, sehingga bulan Julai 2019, Plaintiff- Plaintiff tidak menerima peletakan jawatannya, namun menerima berita bahawa Defendan Ketiga ingin memulakan syarikatnya sendiri.
28. Konspirasi Defendan-Defendan menjadi nyata apabila kesemua Defendan telah pada 30.09.2019 menyuruh Pengarah Plaintiff-Plaintif, iaitu Cik Normaria Binti Omar



datang ke Citta Mall di Petaling Jaya, dan bersama-sama memberikan notis penamatkan kontrak dan!atau perjanjian efektif 31.10.2019, untuk menyertai syarikat lain, Alpine Advisory Sdn. Bhd (No. Syarikat: 1332394-V), yang mempunyai model perniagaan yang sama. Defendan Keenam juga telah membuat penghinaan kaum (“racial slur”) di mana Defendan Keenam telah memberitahu Cik Normaria bahawa dia akan menghantar mana-mana orang India yang memerlukan kerja ke sini, walaupun tahu bahawa Plaintiff-Plaintif mengekalkan dan sentiasa memupuk prinsip perpaduan kaum di mana semua orang, tidak mengira kaum dan agama bekerja bersama. Kenyataan hina tersebut telah mengguris hati Pengarah Plaintiff-Plaintif.

29. Pada 01.10.2019, salah seorang pekerja Plaintiff-Plaintif iaitu Lim Syu Ying yang mempunyai hubungan yang rapat dengan Defendan-Defendan telah tiba-tiba meletakkan jawatan tanpa notis setelah menerima gaji bulan September 2019. Pekerja tersebut juga bertindak meletakkan kata laluan (“password”) pada semua dokumen berkaitan dengan Defendan Pertama dan merahsiakan dokumen-dokumennya .
30. Pada masa yang sama, Plaintiff-Plaintif mendapat tahu bahawa Syarikat Alpine Advisory Sdn. Bhd (No. Syarikat: 1332394-V) (“Alpine”) telah ditubuhkan pada 02.07.2019 oleh Defendan Ketiga dan Defendan Keenam, yang juga dilantik sebagai Pengarah Syarikat tersebut pada 02.07.2019, serta merupakan pemegang saham syarikat tersebut dengan pemilikan 50% masing-masing, yang merupakan pelanggaran kontrak Defendan Ketiga dan Keenam dengan Plaintiff-Plaintif.



31. *Satu carian syarikat terbaharu atas syarikat tersebut juga menunjukkan bahawa kesemua Defendan adalah Pengarah dan pemegang saham syarikat tersebut, di mana Defendan Pertama, Kedua, Keempat dan Kelima telah dilantik sebagai Pengarah pada 14.01.2020. 31.1. Defendan Ketiga dan Keenam juga cuba mengelirukan sesiapa yang ingin menyiasat salah laku mereka dengan percubaan untuk meletakkan jawatan sebagai pengarah Alpine pada 3. 1.2020 dan dilantik semula sebagai Pengarah pada 14.01.2020 bersama dengan Defendan-Defendan lain.*
32. *Defendan Ketiga dan Defendan Keenam telah melanggar klausa 11 kontrak danlatau perjanjian dengan Plaintiff Pertama dan Plaintiff Kedua, melalui penubuhan Syarikat Alpine Advisory Sdn Bhd semasa kontrak dan!atau perjanjian masih berterusan, kesemua Defendan-Defendan telah bersabahat (“conspire”) bersama-sama untuk menipu Plaintiff Pertama dan Kedua dan milarikan pelanggan-pelanggan Plaintiff-Plaintif, serta cuba untuk memusnahkan perniagaan Plaintiff-Plaintif melalui tindakan mereka. Tindakan Defendan-Defendan, antara lain, adalah:*
 - 32.1. *Tidak menjalankan kerja mereka dengan betul dan teliti sejak akhir tahun 2018 danlatau awal tahun 2019, yang membuat Plaintiff-Plaintif tidak mencapai objektif pendapatan dan keuntungan Plaintiff-Plaintif, yang pada setiap masa material diketahui oleh kesemua Defendan- Defendan, terutamanya Defendan Ketiga sebagai bekas Pengarah dan pemegang saham Plaintiff-Plaintif.*



- 32.2. *Memulakan percubaan untuk menarik pelanggan-pelanggan Plaintiff-Plaintif dan membuat usaha untuk menasihati pelanggan-pelanggan Plaintiff-Plaintif yang lama serta pelanggan-pelanggan berpotensi untuk tidak membuat sebarang pelaburan agar mereka dapat mengalihkan pelaburan baru kepada Alpine apabila mereka dengan bersama-sama meletakkan jawatan daripada kontrak mereka dengan Plaintiff-Plaintif;*
- 32.3. *Memburukkan nama Plaintiff-Plaintif kepada calon-calon yang ingin menyertai Plaintiff-Plaintif;*
33. *Defendant-Defendant telah dalam satu percubaan untuk menarik pelanggan-pelanggan Plaintiff-Plaintif kepada syarikat baru Defendant-Defendant, telah menghubungi dan memberitahu pelanggan-pelanggan Plaintiff-Plaintif, antara lain, bahawa:-*
 - 33.1 *Plaintif-Plaintif tidak menguruskan akaun pelanggan dengan betul;*
 - 33.2 *Plaintif-Plaintif telah menyalahgunakan maklumat persendirian pelanggan;*
 - 33.3 *Plaintif-Plaintif telah bertindak secara tidak profesional dan tanpa integriti;*
 - 33.4 *Plaintif-Plaintif telah melanggar hak dan kepentingan pelanggan; dan*
 - 33.5 *Plaintif-Plaintif telah melanggar kewajipan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi.*



34. Sepanjang masa yang material, keengganan dan/atau kegagalan danlatau kecuaian untuk menepati terma kontrak danlatau perjanjian telah memberi manfaat kepada Defendan-Defendan, antara lain, seperti:
- 34.1. Mendapatkan harta intelek Plaintiff-Plaintif, terutamanya cara Plaintiff-Plaintif membuat pelan pelaburan untuk setiap pelanggan Plaintiff-Plaintif;
- 34.2. Menggunakan sistem-sistem Plaintiff-Plaintif di mana objektif kewangan pelanggan-pelanggan diutamakan;
- 34.3. Menggunakan pangkalan data pelanggan Plaintiff-Plaintif untuk menghubungi pelanggan Plaintiff-Plaintif untuk manfaat Defendan-Defendan;
- 34.4. Mendapatkan pelanggan-pelanggan Plaintiff-Plaintif beralih kepada penasihat danlatau wakil lain untuk membuat Plaintiff-Plaintif kehilangan pendapatannya dan Defendan-Defendan mendapat pendapatan daripada pelanggan-pelanggan tersebut.
35. Pada setiap masa material, Plaintiff-Plaintif telah memenuhi kewajipannya mengikut kepada terma-terma yang dipersetujui kesemua pihak di atas.
36. Defendan-Defendan telah melanggar tanggungjawab Defendan-Defendan dalam terma-terma kontrak danlatau perjanjian yang tersurat danlatau tersirat, dan oleh yang demikian Plaintiff-Plaintif, antara lain, menuntut:
- 36.1. Gantirugi untuk prestasi buruk Defendan-Defendan yang secara sengaja membuat Plaintiff-Plaintif gagal mencapai objektif kewangan dari segi pendapatan



- dan keuntungan yang sepatutnya dicapai oleh Plaintiff-Plaintif bagi tahun kewangan 2019;
- 36.2. Kos-kos yang dikenakan oleh Plaintiff-Plaintif oleh sebab tindakan Defendan-Defendan ;
- 36.3. Kerugian yang dialami oleh Plaintiff-Plaintif oleh sebab tindakan Defendan-Defendan setakat tarikh pemfailan tindakan ini;
- 36.4. Kerugian yang dianggar dialami oleh Plaintiff-Plaintif oleh sebab tindakan Defendan-Defendan pada masa hadapan, sekiranya kontrak-kontrak antara pihak-pihak dijalankan dengan betul dan sempurna;
- 36.5. Indemniti daripada Defendan-Defendan terhadap apa- apa kerugian danlatau kos yang mungkin ditanggung oleh Plaintiff-Plaintif akibat daripada tindakan danlatau aduan yang dibuat oleh pelanggan danlatau bekas pelanggan Plaintiff-Plaintif.
37. Plaintiff-Plaintif merupakan salah satu daripada lima syarikat dalam Malaysia yang menawarkan perkhidmatan perancangan kewangan di mana Plaintiff-Plaintif boleh menasihati pelanggan-pelanggan mengenai pelan perancangan kewangan dan menulis sebuah pelan perancangan kewangan untuk membuat pelaburan yang holistik. Kepakaran Plaintiff-Plaintif diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa oleh rakan industri dan pengawal selia (“regulators”) industri. Plaintiff- Plaintiff juga mencipta sejarah dengan menghasilkan penerima anugerah industri dengan keistimewaan perkhidmatan Plaintiff- Plaintiff. Plaintiff- Plaintiff juga dikenali ramai,



serta mempunyai reputasi yang baik di kalangan persaudaraannya (“fraternity”). Walaubagaimanapun, pelanggaran kontrak dan/atau perjanjian Defendan-Defendan dengan Plaintiff-Plaintif telah memudaratkan status Plaintiff-Plaintif, dan telah mengakibatkan Plaintiff-Plaintif mengalami kerugian dan kerosakan yang melampau.

38. Akibat daripada pelanggaran syarat-syarat kontrak dan/atau perjanjian Defendan-Defendan kepada Plaintiff-Plaintif, setakat pemfailan tindakan ini, Plaintiff-Plaintif telah mengira berdasarkan perakaunan Plaintiff-Plaintif serta projeksi kerugian mengalami kerugian dari segi kewangan berjumlah RM2,471, 762.86 dan bukan kewangan dari segi penghancuran reputasi Plaintiff-Plaintif oleh Defendan-Defendan, dan keterangan untuk amaun ini akan dibentangkan pada perbicaraan tindakan ini.
39. Tindakan Defendan-Defendan menyusup ke dalam syarikat Plaintiff-Plaintif mencuri pelanggan-pelanggan Plaintiff-Plaintif, harta intelek Plaintiff-Plaintif dan merosakkan reputasi Plaintiff-Plaintif merupakan tindakan yang jahat dan menjijikkan, dan memudaratkan industri kewangan di Malaysia. Oleh yang demikian, Defendan-Defendan harus membayar ganti rugi melampau dan teladan, sebagai teladan agar hal yang sama tidak berlaku lagi.
40. Oleh yang demikian, Plaintiff-Plaintif dengan rendah diri memohon kepada Mahkamah yang Mulia ini untuk relif berikut:



- 40.1 *Defendant-Defendant membayar ganti rugi khas berjumlah RM2,471, 762.86, ataupun jumlah mana yang dianggap patut dan sesuai oleh Mahkamah;*
- 40.2 *Ganti rugi Am;*
- 40.3 *Ganti rugi Melampau;*
- 40.4 *Ganti rugi Teladan;*
- 40.5 *Faedah atas jumlah di perenggan 40. 1 hingga 40.4 pada kadar 5% setahun daripada tarikh penamatkan kontrak Defendant-Defendant, iaitu 31.10.2019 hingga tarikh penghakiman, ataupun jumlah atau daripada tarikh mana yang dianggap patut dan sesuai oleh Mahkamah;*
- 40.6 *Kos-kos tindakan ini atas dasar indemniti;*
- 40.7 *7 Faedah atas jumlah kehakiman pada kadar 5% setahun dari tarikh penghakiman hingga kepada tarikh penyelesaian penuh, ataupun jumlah mana yang dianggap patut dan sesuai oleh Mahkamah.*
- 40.8 *Lain-lain relif yang difikirkan adil dan wajar oleh Mahkamah yang mulia ini.”*

[12] The relevant parts of the Plaintiffs' Reply to Defence and Defence to Counterclaim are reproduced below:

“3. *Plaintif-Plaintif merujuk kepada Perenggan 3 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendant-Defendant dan mengakuinya. Namun demikian, Plaintiff-Plaintif ingin menyatakan bahawa walaupun terma-terma tersurat dikandungi di dalam perjanjian-perjanjian antara Plaintiff-Plaintif dan Defendant-Defendant, Plaintiff-Plaintif menyatakan bahawa terdapat terma-terma*



tersirat yang juga merangkumi hubungan antara Plaintiff-Plaintif dan Defendan-Defendant, yang, antara lain, adalah:

- 3.1 Apabila mana-mana FAR dan/atau LFP ingin meletakkan jawatannya, FAR dan LFP harus memenuhi apa-apa syarat-syarat yang ditetapkan oleh Plaintiff-Plaintif apabila menyempurnakan penamatkan kontrak FAR dan/atau LFP.
- 3.2 Syarat-syarat tersebut yang patut dilaksanakan, antara lain, seperti:
 - 3.2.1 Pembayaran apa-apa yuran dan/atau fi yang tertunggak yang berkaitan;
 - 3.2.2 Senarai tugas tertunggak berkaitan dengan pelanggan-pelanggan Plaintiff-Plaintif yang diservis oleh FAR dan/atau LFP diberikan kepada pengurusan Plaintiff-Plaintif;
 - 3.2.3 Menandatangani indemniti apabila menamatkan kontrak yang merangkumi apa-apa kejadian yang menyebabkan kerosakan dan kerugian kepada Plaintiff-Plaintif akibat daripada tindakan FAR dan/atau LFP;
4. Plaintiff-Plaintif merujuk kepada Perenggan 4 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendan-Defendant dan menyatakan bahawa ciri-ciri kontrak-kontrak tersebut telahpun dinyatakan dalam Perenggan 15 hingga 19 Pernyataan Tuntutan Plaintiff-Plaintif, dan kenyataan Defendan-Defendant adalah pengulangan kenyataan Plaintiff-Plaintif. Kenyataan Jain dalam perenggan tersebut adalah tidak diakui kerana kekurangan butiran. Namun demikian, Plaintiff-Plaintif ingin menyatakan bahawa:



- 4.1 *Encik Raju K. Ramasamy (“Encik Raju”) adalah pengasas kedua-dua Plainfif,·*
- 4.2 *Pada atau sekitar September 2017, Encik Raju bersama dengan pengarah-pengarah Encik V Thanga Velu (“Encik Thanga”) dan Cik Normaria Binti Omar (“Cik Maria”) bersetuju untuk melantik Defendan Ketiga sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (“Group CEO”) agar dapat menerajui syarikat-syarikat yang merupakan Plaintiff- Plaintiff di sini;*
- 4.3 *Apabila Defendan Ketiga difantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (CEO), Encik Raju telahpun menyerahkan tanggungjawab untuk membangunkan Plaintiff-Plaintiff kepada Defendan Ketiga, a/eh sebab isteri Encik Raju jatuh sakit dan mempunyai masalah kesihatan yang berterusan pada masa itu.*
- 4.4 *Encik Raju menaruh harapan dan memberikan kepercayaan yang tinggi kepada Defendan Ketiga untuk mengendalikan dan membangunkan Plaintiff- Plaintiff dalam ketiadaan beliau.*
- 4.5 *Pada mulanya, Defendan Ketiga menjalankan tanggungjawabnya dengan sempurna dan kedua-dua Plaintiff mencapai objektifnya untuk tahun 2017.*
- 4.6 *Namun demikian, selepas prestasi tersebut, Defendan Ketiga mula lalai dan cuai dalam menjalankan tugasnya, dan sering mengambil percutian setiap bulan sehingga tidak menjalan tugasnya sebagai Pegawai Eksekutif Kumpulan (CEO) dan gagal*



sebagai seorang yang dilihat sebagai pemimpin dengan sempurna.

- 4.7 *Malah, prestasi syarikat pada tahun 2018 telahpun merosot sebanyak sekitar 20% - 30%. Kebanyakan FAR danlatau LFP juga mengambil kesempatan untuk mengambil cuti dan tidak datang ke pejabat untuk mesyuarat mingguan oleh sebab Defendan Ketiga juga jarang berada di pejabat untuk mengurus Plaintiff-Plaintif dan memimpin FAR danlatau LFP yang lain.*
- 4.8 *Defendan Ketiga juga mengambil kesempatan dan ketiadaan Encik Raju untuk bersubahat dengan Defendan-Defendan yang lain, selepas itu, untuk memusnahkan Plaintiff-Plaintif dan mengambil mana-mana pelanggan Plaintiff-Plaintif yang mereka boleh ambil kepada syarikat barunya.*
5. *Plaintif-Plaintif mengakui Perenggan 5 dan 6 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendan-Defendan. Plaintiff-Plaintif menyatakan bahawa, walaupun lesen-lesen Defendan-Defendan adalah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (“SC”) dan Bank Negara Malaysia (“BNM”) masing-masing, namun demikian, Defendan-Defendan adalah tertakluk kepada terma-terma tersurat dan tersirat kontrak antara Plaintiff-Plaintif dengan Defendan-Defendan, dan Plaintiff-Plaintif menyatakan bahawa:*
 - 5.1 *Lesen-lesen yang diluluskan oleh SC dan BNM kepada Defendan-Defendan adalah tertakluk kepada pelantikan Defendan-Defendan oleh Plaintiff-Plaintif, oleh sebab hanya apabila dilantik oleh Plaintiff-Plaintif berdasarkan perjanjian-perjanjian yang*



- ditandatangani oleh Defendan-Defendan, akan membolehkan Defendan-Defendan mendapat lesen-lesen tersebut;*
- 5.2 *Dalam apa jua keadaan, Defendan-Defendan harus patuh kepada terma-terma tersurat dan tersirat perjanjian antara Plaintiff-Plaintif dan Defendan-Defendan, dan dalam tindakan ini, klausa-klausa yang relevan telahpun dinyatakan dalam Pernyataan Tuntutan, iaitu klausa 6.2 dan klausa 11, berkenaan ekslusiviti kontrak.*
- 5.3 *Oleh sebab kemungkiran perjanjian oleh Defendan-Defendan, Plaintiff-Plaintif terpaksa menanggung kerosakan dan kerugian.*
6. *Plaintif-Plaintif tidak mengakui Perenggan 7 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendan-Defendan, dan menegaskan kenyataan dalam perenggan 17 Pernyataan Tuntutan Plaintiff-Plaintif. Plaintiff-Plaintif menyatakan bahawa Pernyataan 7 Pernyataan Pembelaan dan Tuntutan Balas adalah sengaja dibuat untuk mengelirukan Mahkamah yang Mulia ini.*
7. *Plaintif-Plaintif mengakui Perenggan 8 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendan-Defendan. Plaintiff-Plaintif menyatakan bahawa penelitian kontrak secara menyeluruh, termasuk termaterma tersurat dan tersirat akan menunjukkan bahawa Defendan-Defendan telah melanggar kontrak-kontrak mereka dengan Plaintiff-Plaintif.*
8. *Plaintif-Plaintif merujuk kepada Perenggan 9 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendan-Defendan dan menyatakan bahawa bimbingan dan latihan telah diberikan Jebih*



daripada yang diperlukan oleh SC dan BNM. Oleh itu, Perenggan 9 dinafikan dan Plaintiff-Plaintif menyatakan bahawa:

- 8.1 *Encik Raju telahpun memberikan bimbingan dan latihan yang sempurna kepada Defendan Ketiga sehingga Defendan Ketiga mencapai tahap prestasi yang unggul apabila berjaya sebagai FAR dan LFP. Malah, Defendan Ketiga juga berkali-kali menunjukkan penghargaan terhadap bimbingan dan latihan oleh Encik Raju. Encik Raju juga merupakan seorang yang terkenal dalam industri perancangan kewangan sebagai pakar perancangan kewangan.*
- 8.2 *Encik Thanga menjalankan bimbingan dan latihan pada peringkat awal (“onboarding”) dan juga secara berterusan kepada kesemua Defendan kecuali Defendan Ketiga, daripada permulaan kerjaya Defendan-Defendan tersebut sehingga mereka mencapai prestasi yang unggul. Antara bimbangan dan latihan yang dibuat adalah, 4 antara lain:*
 - 8.2.1 *Penyediaan laporan perancangan kewangan pelanggan yang teliti dan komprehensif, yang merupakan satu keunikan Plaintiff-Plaintif;*
 - 8.2.2 *Cara-cara dan proses pengendalian pelanggan-pelanggan dengan sempurna daripada permulaan hubungan dengan pelanggan sehingga penyempurnaan perkhidmatan Plaintiff-Plaintif (“client engagement”);*
9. *Plaintif-Plaintif tidak mengakui Perenggan 10 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendan-Defendan, dan menegaskan*



kenyataan dalam Perenggan 21 Pernyataan Tuntutan Plaintiff- Plaintiff. Plaintiff-Plaintiff juga menyatakan bahawa:

- 9.1 *Komplot Defendan Ketiga bermula daripada masa ini apabila memberikan alasan-alasan yang tidak munasabah kepada Encik Raju;*
- 9.2 *Pada masa ini juga, kesemua Defendan-Defendan selain Defendan Ketiga, terutama Defendan Pertama dan Kedua memberikan pelbagai alasan untuk tidak hadir kepada mesyuarat mingguan Plaintiff-Plaintif dengan alasan yang tidak munasabah, antara lain, seperti:*
 - 9.2.1 *Defendan Pertama sering menyatakan bahawa nenek saudara isteri sakit di Singapura dan seringkali berada di Singapura untuk menjaganya.*
 - 9.2.2 *Defendan Pertama juga sering menyatakan bahawa isterinya diarah bekerja di luar negara dan oleh itu dia perlu berada di rumah untuk menjaga anak, walaupun ibunya berada di rumah.*
 - 9.2.3 *Jika pun Defendan Pertama sekali sekala datang ke pejabat, dia tidak mengambil bahagian dalam mesyuarat mingguan dengan berada di luar bilik mesyuarat, yang menunjukkan pengasingan daripada kumpulan Plaintiff-Plaintif.*



- 9.2.4 *Defendant Kedua sering tidak datang untuk mesyuarat mingguan dan jika datang juga tidak memberikan sebarang sumbangan kepada kerja Plaintiff-Plaintif.*
- 9.3 *Defendant-Defendant Pertama dan Kedua bermula berkelakuan seperti di atas apabila Defendant Ketiga memberikan alasan-alasan kepada Encik Raju untuk keluar daripada Plaintiff-Plaintif, yang jelas menunjukkan komplot antara mereka.*
- 9.4 *Defendant-Defendant Keempat, Kelima dan Keenam menyertai Plaintiff-Plaintif pada masa komplot ini bermula, dan kelakuan Defendant-Defendant Keempat, Kelima dan Keenam pada tahun 2019 adalah, antara lain, seperti berikut:*
- 9.4.1 *Defendant Keempat sering menggunakan alasan bahawa dia tidak mempunyai pengasuh untuk menjaga anaknya.*
- 9.4.2 *Defendant Kelima juga menggunakan alasan bahawa tiada pengasuh untuk menjaga anaknya.*
- 9.4.3 *Defendant Keenam memberikan pelbagai alasan untuk tidak hadir ke mesyuarat mingguan Plaintiff- Plaintiff, namun akan hadir ke mesyuarat yang dikendalikan oleh vendor Plaintiff-Plaintif seperti iFAST Capital, Funding Society dan acara lain-lain. Sekiranya Defendant Keenam datang kepada mesyuarat pun, dia sentiasa datang lewat.*



- 9.5 *Malah Defendan Kelima dan Keenam berada dalam perhubungan dengan Defendan Ketiga sejak Januari 2018, dan menyertai Plaintiff-Plaintif pada masa Defendan Ketiga bermula dengan komplotnya. Prestasi Defendan Keempat, Kelima dan Keenam juga serba kekurangan, namun, mereka mengambil kesempatan untuk mendapatkan latihan dan bimbingan terlebih dahulu, terutamanya daripada Encik Thanga, sebelum mereka meletakkan jawatan bersama-sama dengan Defendan-Defendan lain.*
- 9.6 *Setelah Encik Thanga menghabiskan latihan-latihan bersama mereka, Defendan-Defendan Keempat, Kelima dan Keenam mula bekerja secara rapat dengan Defendan Ketiga dan mengikut Defendan Ketiga dalam perbuatannya, terutama tidak masuk ke dalam pejabat dengan menggunakan pelbagai alasan dan seringkali tidak menyertai kumpulan Plaintiff-Plaintif dalam aktiviti serta mesyuarat mingguan.*
- 9.7 *Kesemua perbuatan Defendan-Defendan, apabila diambil bersama, telahpun menunjukkan satu konspirasi dan komplot, walaupun pada masa awal, tanda-tanda ini tidak dapat dikesan, sehingga Plaintiff-Plaintif dikhianati dengan perbuatan Defendan-Defendan sepertimana yang dinyatakan dalam Pernyataan Tuntutan Plaintiff- Plaintiff.*
10. *Plaintif-Plaintif merujuk kepada Perenggan 11 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendan-Defendan dan menyatakan bahawa Defendan Ketiga masih lagi belum melepaskan sahamsaham syarikatnya walaupun telah berhenti sebagai Pengarah dan CEO. Malah, kenyataan Defendan Ketiga*



bahawa dia tidak mempunyai maklumat berkenaan jaminan-jaminan yang ditandatangani olehnya adalah tidak munasabah. Plaintiff- Plaintiff menyatakan bahawa:

- 10.1 Pernyataan Defendan Ketiga jelasnya menunjukkan bahawa dia lalai dan cuai sebagai Pengarah apabila menyatakan dia tidak tahu jaminan-jaminan yang ditandatanganinya olehnya.
- 10.2 Dalam apa juu keadaan, Defendan Ketiga haruslah tahu bahawa Plaintiff- Plaintiff hanya mempunyai tiga peminjaman di mana dia adalah penjamin, iaitu:
 - 10.2.1 Pinjaman CIMB Islamic oleh Plaintiff Pertama untuk pembelian shoplof di mana pejabatnya berada sekarang;
 - 10.2.2 Pinjaman Berjangka dengan Maybank Islamic oleh Plaintiff Pertama;
 - 10.2.3 Pinjaman Berjangka dengan Maybank Islamic oleh Plaintiff Kedua.
- 10.3 Kesemua jaminan ini dibuat ini sebelum Defendan Ketiga berhenti sebagai Pengarah dan CEO, dan Defendan Ketiga menandatangani kesemua jaminan setelah mendapat keterangan yang jelas daripada wakil Bank.
- 10.4 Adalah tidak munasabah untuk Defendan Ketiga memohon pelepasan jaminan yang dibuat olehnya tanpa melepaskan saham-saham yang dipegang olehnya. Defendan Ketiga juga patut tahu bahawa pihak Bank juga tidak akan melepaskan sehingga



sahamsaham yang dipegang olehnya dilepaskan (dan itu juga tertakluk kepada budi bicara Bank).

- 10.5 *Plaintif-Plaintif juga menegaskan bahawa syarat keluar perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum Defendan Ketiga dilepaskan, seperti dibincangkan dalam mesyuarat di BNM dan dipersetujui oleh Defendan Ketiga juga pada mesyuarat tersebut.*
11. *Plaintif-Plaintif merujuk kepada Perenggan 12 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendan-Defendan dan menyatakan bahawa Perenggan 12 sebenarnya adalah pengakuan Perenggan 22 Pernyataan Tuntutan, dan penafian Defendan Ketiga dan Keempat adalah penafian kosong semata-mata.*
12. *Plaintif-Plaintif merujuk kepada Perenggan 13 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendan-Defendan dan menyatakan bahawa Perenggan 12 sebenarnya adalah pengakuan Perenggan 23 Pernyataan Tuntutan, dan penafian Defendan Ketiga dan Keempat adalah penafian kosong semata-mata.*
13. *Plaintif-Plaintif merujuk kepada Perenggan 14 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendan-Defendan, dan menafikan kandungannya. Plaintiff-Plaintif menegaskan Perenggan 24 Pernyataan Tuntutan serta mengulangi Perenggan 9 Jawapan Kepada Pembelaan dan Pembelaan kepada Tuntutan Balas ini. Plaintiff-Plaintif juga menyatakan bahawa:*
 - 13.1 *Walaupun Defendan Pertama tidak menghadiri aktiviti tersebut, namun demikian adalah jelas bahawa Defendan Pertama berkomplot bersama*



Defendant-Defendant lain, dengan tindakan-tindakannya sebelum dan selepas aktiviti tersebut.

- 13.2 *Pengakuan Defendan-Defendan bahawa mereka mengenali satu sama lain sebelum dan selepas aktiviti tersebut juga menyokong pernyataan Plaintiff-Plaintif, malah mereka menjadi lebih rapat selepas aktiviti tersebut.*
- 13.3 *Alasan Defendan Keenam merupakan satu penafian kosong semata-mata oleh sebab apabila Defendan Keenam menyertai Plaintiff-Plaintif, dia tahu bahawa dia perlu menghadiri mesyuarat mingguan di pejabat Plaintiff- Plaintiff.*
- 13.4 *Plaintif-Plaintif telah menimbulkan bantahan terhadap perbuatan Defendan-Defendan beberapa kali, namun, mereka sering mengulangi alasan-alasan seperti yang diterangkan di atas.*
14. *Plaintif-Plaintif merujuk kepada Perenggan 15 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendan-Defendan dan menafikannya. Plaintiff-Plaintif menyatakan bahawa:*
 - 14.1 *Lim Syu Ying merupakan pekerja Plaintiff Kedua yang telah diambil bekerja sebagai pelatih, dan seterusnya bekerja sebagai pekerja sambilan dengan Plaintiff Pertama, dan akhirnya diserap sebagai pekerja tetap dengan Plaintiff Pertama.*
 - 14.2 *Plaintif-Plaintif juga menegaskan bahawa Defendan Pertama adalah Perancang Kewangan yang memerlukan perkhidmatan pengurusan kes, dan oleh itu Lim Syu Ying, telah diarahkan bekerja untuk*



membantu Defendant Pertama, atas dasar Defendant Pertama membayar untuk perkhidmatan Plaintiff Pertama yang disediakan oleh Lim Syu Ying.

- 14.3 *Pada setiap masa, Lim Syu Ying merupakan pekerja Plaintiff Pertama, dan bukannya pekerja Defendant Pertama.*
- 14.4 *Plaintif-Plaintif menegaskan bahawa Lim Syu Ying menolong Defendant-Defendant dalam komplot mereka, yang jelasnya ditunjukkan apabila dia meletakkan jawatan sehari selepas Defendant-Defendant meletakkan jawatan.*
15. *Perenggan 16 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendant-Defendant dan menafikannya, dan Plaintiff-Plaintif menegaskan Perenggan 26 Pernyataan Tuntutan Plaintiff-Plaintif. Plaintiff-Plaintif menyatakan bahawa:*
 - 15.1 *Defendant Ketiga, sebagai Pengarah, CEO dan pemegang saham syarikat, mempunyai akses penuh kepada akaun Dropbox Plaintiff-Plaintif.*
 - 15.2 *Akses Dropbox Defendant Ketiga adalah berbeza berbanding dengan Defendant-Defendant lain, yang hanya mempunyai akses terhad kepada fail-fail Dropbox yang relevan kepada mereka sahaja.*
 - 15.3 *Malah, Defendant Ketiga mempunyai akses kepada segala fail sulit, fail operasi Plaintiff-Plaintif, rekod-rekod penting Plaintiff-Plaintif, fail-fail individu, perakuanan, dan semua fail-fail pelanggan Plaintiff-Plaintif sehingga 30.09.2019, yang telah digunakan oleh Defendant Ketiga dalam konspirasi Defendant-*



Defendant. Defendant Ketiga mencuri dan menggunakan segala maklumat ini untuk manfaat syarikat baharunya, Alpine.

- 15.4 Sebelum 30.9.2019, Plaintiff-Plaintif masih mempercayai keikhlasan Defendant Ketiga oleh sebab komplotnya untuk memusnahkan perniagaan Plaintiff-Plaintif masih belum diketahui pada masa itu. Selepas 30.9.2019, apabila kesemua Defendant-Defendant bersama-sama meletakkan jawatan mereka dan mendedahkan komplot mereka, Plaintiff-Plaintif mengambil tindakan untuk mengehadkan akses mereka.
- 15.5 Defendant-Defendant mengakui dalam Perenggan 26 (c) bahawa mereka mencuri maklumat-maklumat pelanggan, dan juga harta intelek dan maklumat sulit Plaintiff-Plaintif. Lebih-lebih lagi, pada masa Oktaber 2018, selepas Defendant Ketiga mahu keluar daripada Plaintiff-Plaintif di bulan Ogos 2018, dia meminta untuk mendapatkan kata laluan untuk akses penuh Drapbax Plaintiff-Plaintif, selepas kata laluan tersebut ditukar apabila dia mahu meletakkan jawatannya pada bulan Ogos 2018. Oleh sebab Defendant Ketiga masih Pengarah, dan tanpa meragui keikhlasannya, Plaintiff-Plaintif memberikan akses penuh kepada Defendant-Defendant.
16. Perenggan 17 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendant-Defendant merupakan kenyataan yang sengaja dibuat untuk mengelirukan Mahkamah yang Mulai ini. Plaintiff-Plaintif menegaskan perenggan 27 Pernyataan Tuntutan Plaintiff-Plaintif dan menyatakan bahawa peletakan jawatan



Defendan Ketiga yang dinyatakan dalam Pernyataan Tuntutan adalah peletakan jawatan sebagai Wakil Penasihat Kewangan dan Penasihat Kewangan Berlesen, dan tiada sebarang pernyataan oleh Plaintiff-Plaintif yang menyatakan bahawa hubungan tersebut adalah sebagai majikan dan pekerja, atau sebagai perkongsian.

17. *Plaintif-Plaintif menafikan kenyataan dalam Perenggan 18 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendan-Defendan, dan menegaskan kenyataan yang dinyatakan dalam Perenggan 28 Pernyataan Tuntutan Plaintiff-Plaintif. Plaintiff-Plaintif juga menyatakan bahawa:-*
 - 17.1 *Penyerahan peletakan secara berkumpulan dengan menyatakan secara verbal bahawa kesemua Defendan meletakkan jawatan dengan niat membuka syarikat sendiri yang mana kesemua mereka adalah pemegang saham syarikat adalah jelas menunjukkan konspirasi Defendan-Defendan.*
 - 17.2 *Siasatan Plaintiff-Plaintif telah mendedahkan bahawa syarikat baru Defendan telah ditubuhkan sebelum peletakan jawatan dan/atau notis penamatan kontrak, iaitu pada bulan Julai 2019.*
 - 17.3 *Permohonan lesen sebagai penasihat kewangan bagi syarikat tersebut telah diluluskan bersyarat pada 23.09.2019, seperti disahkan oleh pegawai BNM dalam pada mesyuarat meditasi yang diadakan pada 20.11.2019.*
 - 17.4 *Penamatan kontrak Defendan-Defendan telah berkuatkuasa pada 30.10.2019 berikutan dengan notis yang diberikan oleh Defendan-Defendan*



selaras dengan klausa penamatan kontrak mereka masing-masing.

- 17.5 *Plaintif-Plaintif tidak mempertikaikan hak Defendan-Defendan untuk memberikan notis penamatan kontrak kepada Plaintiff-Plaintif, tetapi perbuatan Defendan-Defendan sebelum dan selepas penamatan kontrak mereka adalah pelanggaran kontrak dan juga tindakan-tindakan mereka diambil untuk memusnahkan perniagaan Plaintiff-Plaintif.*
- 17.6 *Susulan daripada notis yang diberikan oleh Defendan-Defendan, Plaintiff-Plaintif tidak dapat mengeluarkan surat pelepasan kepada SC dan BNM kerana Defendan-Defendan masih belum melaksanakan syarat-syarat pelepasan, terutamanya pelaksanaan indemniti agar Plaintiff-Plaintif tidak akan bertanggungjawab berkenaan perbuatan Defendan-Defendan. Kegagalan Defendan-Defendan berbuat demikian menunjukkan niat Defendan-Defendan memusnahkan perniagaan Plaintiff-Plaintif.*
 - 17.6.1 *Indemniti ini adalah satu keperluan yang biasa dilaksanakan oleh semua FAR dan/atau LFP yang meletakkan jawatan mereka dan juga merupakan syarat tersirat perjanjian antara Plaintiff-Plaintif dan Defendan-Defendan;*
 - 17.6.2 *Keperluan indemniti ini juga merupakan satu terma piawaian (“standard term”) dalam industri perancangan kewangan dan juga industri kewangan secara am;*



- 17.6.3 *Kegagalan dan/atau penentangan Defendan-Defendan dalam menandatangani indemniti untuk memenuhi syarat pelepasan adalah mencurigakan dan jelas menunjukkan mala fide dalam tindakan Defendan-Defendan.*
- 17.7 *Defendan-Defendan tidak menafikan bahawa Defendan Keenam membuat penghinaan kaum terhadap Plaintiff- Plaintiff yang merupakan syarikat yang berbilang kaum dan agama. Perbuatan Defendan-Defendan jetas menunjukkan bahawa perbuatan mereka adajah mala fide dan bersifat perkauman.*
18. *Perenggan 19 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendan-Defendan adalah dinafikan, dan Plaintiff-Plaintiff menegaskan kenyataan dalam Perenggan 29 Pernyataan Tuntutan Plaintiff- Plaintiff Plaintiff-Plaintiff juga menyatakan bahawa:-*
- 18.1 *Defendan Pertama telah mengarahkan Lim Syu Ying untuk keluar bekerja di rumahnya, atau sekitar kawasan rumahnya, dengan alasan terpaksa menjaga anak sejak Jun 2019.*
- 18.2 *Atas arahan Defendan Perlama, Lim Syu Ying akan bertemu dengan Defendan Pertama dan membantu kerja-kerja mengemaskini fail pelanggan-pelanggan di Juar pejabat setiap hari sejak Jun 2019.*
- 18.3 *Lim Syu Ying telah pada masa material tersebut menukar kata laluan tanpa pengetahuan pihak pengurusan*



- 18.4 Sebarang perubahan pada fail pelanggan perlu dimaklumkan kepada pihak pengurusan. Namun demikian, Defendan Pertama tidak berbuat demikian sehingga diminta berbuat demikian setelah peletakan jawatan dan atau penamatan kontrak Defendan Pertama.
- 18.5 Keselamatan komputer riba tersebut adalah tanggungjawab penuh Defendan Pertama, di mana Defendan Pertama kononya mengamanahkan Lim Syu Ying. Lim Syu Ying sepatutnya membawa balik komputer riba tersebut, tetapi tidak berbuat demikian dan dengan itu telah menyebabkan kehilangan ketika premis pejabat dipecah masuk.
- 18.6 Pada setiap masa, mana-mana barangang peribadi FAR dan/atau LFP yang tertinggal di dalam pejabat adalah atas tanggungjawab sendiri, bukan Plaintiff-Plaintif.
19. Plaintiff-Plaintif menafikan kenyataan dalam Perenggan 20 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendan-Defendan dan menegaskan kenyataan dalam Perenggan 30 Pernyataan Tuntutan Plaintiff-Plaintif. Plaintiff-Plaintif juga menyatakan bahawa:-
- 19.1 Lesen syarikat baru Defendan-Defendan telah diluluskan secara bersyarat oleh Bank Negara pada 23.09.2019, iaitu sebelum penamatan kontrak antara Defendan-Defendan dan Plaintiff-Plaintif;
- 19.2 Syarikat tersebut telah memohon untuk kelulusan lesen tersebut ketika lesen Defendan-Defendan masih aktif dengan Plaintiff-Plaintif, malah Defendan



Ketiga masih merupakan pemegang saham Plaintiff-Plaintif,

- 19.3 Syarat-syarat dalam perjanjian antara Plaintiff-Plaintif dan Defendan-Defendan tidak membenarkan Defendan-Defendan membuat permohonan tersebut, dan oleh itu permohonan tersebut adalah pelanggaran kontrak Defendan-Defendan dengan Plaintiff-Plaintif.
- 19.4 Defendan-Defendan juga, pada 30.9.2019, mengakui kepada Cik Normaria bahawa mereka bersama-sama akan menjadi pemegang saham dan pengarah Alpine, namun demikian Alpine telahpun ditubuhkan pada bulan Julai 2019, dan kenyataan bahawa Alpine adalah satu syarikat yang tidak aktif pernyataan yang cuba untuk mengelirukan fakta bahawa terdapat pelanggaran kontrak daripada Defendan-Defendan.
- 19.5 Perbuatan Defendan-Defendan daripada bulan Ogos 2018 sampai 30.9.2019 seperti mana yang telah dihuraikan, jelas menunjukkan komplot untuk melarikan pelanggan pelanggan Plaintiff-Plaintif kepada syarikat baru Defendan-Defendan. Defendan-Defendan menggunakan pelbagai cara untuk berbuat demikian, antara lain, seperti:
 - 19.5.1 Mendapatkan Investors Trust Assurance (“ITA”) untuk memindahkan pelanggan-pelanggan Plaintiff Pertama kepada nomini Defendan-Defendan, iaitu EGL Advisory Sdn Bhd dan/atau nomini-nomini lain, di mana mereka memegang pelanggan-pelanggan



tersebut oleh sebab mereka mempunyai lesen penasihat kewangan oleh BNM.

- 19.5.2 Mendapatkan pelanggan-pelanggan untuk menutup akaun mereka dengan Plaintiff Kedua, walaupun pelanggan-pelanggan tersebut akan mengalami kerugian, agar dapat membuka balik akaun mereka dengan Alpine, ataupun nomininya Legacy Advisory Sdn Bhd dan latau nomini-nomini lain, di mana mereka memegang pelanggan-pelanggan tersebut oleh sebab mereka mempunyai lesen perancangan kewangan oleh SC.*
20. *Perenggan 21 dan 22 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendan-Defendan adalah dinafikan. Plaintiff-Plaintif menegaskan kenyataan dalam perenggan 31 dan 31.1 Pernyataan Tuntutan Plaintiff-Plaintif. Pernyataan Defendan-Defendan juga merupakan penafian kosong semata-mata.*
21. *Plaintif-Plaintif menafikan kenyataan dalam Perenggan 23 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendan-Defendan, dan menegaskan kenyataan dalam Perenggan 32 hingga 32.3 Pernyataan Tuntutan Plaintiff-Plaintif serta mengulangi pernyataan-pernyataan dalam Jawapan kepada Pembelaan dan Pembelaan kepada Tuntutan Balas ini. Plaintiff-Plaintif menyatakan bahawa penafian Defendan-Defendan adalah penafian kosong semata-mata dan kekurangan butir. Segala butiran mengenai konspirasi Defendan-Defendan adalah keterangan yang akan dikemukakan dalam perbicaraan kelak.*



22. *Plaintif-Plaintif menafikan kenyataan dalam Perenggan 24 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendan-Defendan, dan menegaskan kenyataan dalam perenggan 33 dan 34 Pernyataan Tuntutan Plaintiff-Plaintif, serta mengulangi pernyataan-pernyataan dalam Jawapan kepada Pembelaan dan Pembelaan kepada Tuntutan Balas ini. Segala butiran berkenaan perbuatan Defendan-Defendan adalah keterangan yang akan dikemukakan dalam perbicaraan kelak.*
23. *Perenggan 25 dan 26 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendan-Defendan adalah dinafikan. Plaintiff-Plaintif menegaskan kenyataan dalam perenggan 35 dan 36 Pernyataan Tuntutan Plaintiff-Plaintif.*
24. *Plaintif-Plaintif menafikan Perenggan 27 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendan-Defendan, dan menegaskan kenyataan dalam Perenggan 37 Pernyataan Tuntutan Plaintiff- Plaintiff. Plaintiff-Plaintif juga menyatakan seperti berikut:-*
 - 24.1 *Tiada anugerah individu yang dimenangi oleh individu daripada syarikat lain;*
 - 24.2 *Defendant Pertama tidak pernah memenangi apa-apa anugerah bagi pihak Plaintiff-Plaintif Hanya Defendant Kedua, Ketiga dan Keenam yang memenangi anugerah tersebut bagi pihak Plaintiff- Plaintiff Ma/ah, Encik Thanga dan Encik Gunaseelan juga memenangi anugerah-anugerah ini bagi pihak Plaintiff-Plaintif,·*
 - 24.3 *Faktanya adalah bahawa wakil Plaintiff-Plaintif sentiasa memenangi anugerah-anugerah Malaysian*



Financial Planner Year Award berturut daripada tahun 2015 hingga 2020, oleh sebab kekuatan harta intelek Plaintiff-Plaintif, latihan terperinci dan kepakaran Plaintiff-Plaintif yang membolehkan kesemua individu-individu ini dapat memenangi anugerah ini.

- 24.4 *Plaintif-Plaintif sentiasa menggalakkan semua LFP dan/atau FAR yang bekerja dengan Plaintiff-Plaintif, termasuk Defendan-Defendan apabila mereka berada dengan Plaintiff-Plaintif untuk menyertai pertandingan tersebut.*
- 24.5 *Plaintif-Plaintif turut membantu semua individu yang telah menyertai pertandingan tersebut dengan memberikan sokongan dalam pendaftaran individu-individu ini, termasuk Defendan-Defendan untuk memenangi pertandingan itu.*
- 24.6 *Plaintif-Plaintif sentiasa memupuk semangat kerja berpasukan antara satu sama lain, Namun demikian, Defendan-Defendan telah mengkhianati kepercayaan Plaintiff-Plaintif, dan tidak menghargai segala huluran bantuan Plaintiff-Plaintif.*
- 24.7 *Malah, dalam majlis penganugerahan ini pada tahun 2018, Pengarah SC telah pun memuji Plaintiff-Plaintif dan menyatakan bahawa Plaintiff-Plaintif membuat kerja mereka dengan betul dan teliti, dan oleh itu sentiasa memenangi anugerah-anugerah tersebut.*
- 24.8 *Plaintif-Plaintif bukan sahaja memberikan perkhidmatan perancangan kewangan konvensional,*



malah menyediakan platform yang memberikan perkhidmatan perancangan kewangan Islam, dan memberikan peluang kepada masyarakat Malaysian yang berbilang kaum dan agama untuk menceburi dalam bidang perancangan kewangan, lni adalah penting oleh sebab kekurangan penyertaan Bumiputera dalam bidang ini.

25. *Plaintif-Plaintif menafikan kenyataan dalam Perenggan 28 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendan-Defendan, dan menegaskan kenyataan dalam Perenggan 38 Pernyataan Tuntutan Plaintiff-Plaintif. Plaintiff-Plaintif juga menyatakan bahawa projeksi kerugian telahpun dinyatakan dalam Perenggan 36 Pernyataan Tuntutan Plaintiff-Plaintif. Tambahan pula, segala keterangan berkenaan amaun tersebut akan dikemukakan dalam perbicaraan kelak oleh sebab perincian ini masih bertambah oleh sebab perbuatan Defendan-Defendan yang malarikan pelanggan-pelanggan Plaintiff-Plaintif sehingga hari ini.*
26. *Perenggan 29 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendan-Defendan adalah dinafikan, dan Plaintiff-Plaintif menegaskan kenyataan dalam Perenggan 39 Pernyataan Tuntutan Plaintiff- Plaintiff serta mengulangi perenggan-perenggan Jawapan kepada Pembelaan dan Pembelaan kepada Tuntutan Balas di sini. Plaintiff-Plaintif juga menyatakan bahawa kandungan dalam Perenggan 29 Pembelaan dan Tuntutan Balas Defendan-Defendan adalah penafian kosong semata-mata dan kekurangan butiran.*
27. *Plaintif-Plaintif menafikan kenyataan dalam Perenggan 30 dan 31 pembelaan dan tuntutan balas Defendan-Defendan,*



dan menegaskan kenyataan dalam Perenggan 40 Pernyataan Tuntutan Plaintiff-Plaintif Plaintiff-Plaintif juga ingin, sebagai kesimpulan, menyatakan bahawa:

- 27.1 *Tindakan ini adalah tindakan yang diambil oleh Plaintiff- Plaintiff oleh sebab Defendan-Defendan berkomplot (“conspire”) dengan satu sama lain untuk memusnahkan perniagaan Plaintiff-Plaintif*
- 27.2 *Defendan-Defendan, terutamanya Defendan Keenam, bersikap secara rasis dalam mahu mengambil FAR dan latau LFP yang berbangsa Cina kepada syarikat baru mereka dan mereka akan menghantar mana-mana FAR dan/atau LFP berbangsa India untuk bekerja dengan Plaintiff-Plaintif, walaupun tahu bahawa Plaintiff-Plaintif adalah entiti yang berbilang kaum dan agama.*
- 27.3 *Defendan-Defendan mencuri segala harta intelek, sistem dan proses Plaintiff-Plaintif untuk memulakan syarikat baru mereka, Alpine Advisory Sdn Bhd.*
- 27.4 *Apabila Defendan-Defendan memberikan notis penamatkan kontrak-kontrak mereka, mereka tidak mahu memenuhi syarat pelepasan iaitu memberikan indemniti agar Plaintiff-Plaintif tidak bertanggungjawab untuk tindakan-tindakan mereka yang mungkin menyebabkan Plaintiff-Plaintif mengalami kerosakan, kerugian dan kos.*
- 27.5 *Adalah menjadi jelas bahawa Defendan-Defendan tidak mahu menandatangani indemniti tersebut oleh sebab Defendan-Defendan ingin melarikan*



pelangganpe langgan Plaintiff-Plaintif, dan telah pun berbuat demikian.

- 27.6 *Defendant-Defendant dengan tindakan mereka merosotkan prestasi Plaintiff-Plaintif daripada permulaan komplot (“conspiracy”) Defendant-Defendant sejak Ogas 2018 sehingga Defendant-Defendant keluar, dan juga mlarikan pelanggan-pelanggan Plaintiff-Plaintif.*
- 27.7 *Alpine Advisory Sdn Bhd ditubuhkan apabila Defendant-Defendant masih berada dengan Plaintiff-Plaintif, dan mereka ingin membawa sebahagian besar pelangan-pelangan Plaintiff-Plaintif Kepada Alpine Advisory Sdn Bhd.*
- 27.8 *Apabila Defendant-Defendant gagal menyempurnakan syarat pelepasan dengan Plaintiff-Plaintif, Defendant-Defendant menggunakan pelbagai cara untuk mlarikan pelangan Plaintiff-Plaintif, menggunakan EGL Advisory Sdn Bhd dan Legacy Advisory Sdn Bhd sebagai nomini untuk mendapatkan komisen dan fi daripada pelangan-pelangan Plaintiff-Plaintif yang dilarikan kepada firma-firma ini danlatau firma-firma lain yang digunakan sebagai nomini.*
- 27.9 *Defendant-Defendant yang melanggar kontrak-kontrak mereka dengan Plaintiff-Plaintif, dan mengkhianati Plaintiff-Plaintif, namun sekarang membuat percubaan untuk menuntut balas terhadap Plaintiff-Plaintif. Plaintiff-Plaintif yang mengalami kerosakan dan kerugian yang tinggi.*



27.10 *Plaintif-Plaintif memohon kepada Mahkamah yang Mufia ini agar membenarkan tuntutan dan menolak tuntutan balas Defendan-Defendant.”*

FINDINGS OF THIS COURT

[13] From the cause papers filed and exchanged in the present case, this Court has found that there are triable issues as between the Plaintiffs and the Defendants which should go for full trial. The triable main issues include:

- (1) whether or not the Defendants or any of them owed any contractual duty, and if so, what contractual duty, to the Plaintiffs;
- (2) if the answer to (1) is in the affirmative, whether the Defendants or any of them was in breach of such contractual duty;
- (3) Whether any of the Defendants owed any common law duty to the Plaintiffs and if so, what duty under the common law;
- (4) If the answer to (3) is in the affirmative, whether any of the Defendants has committed any duty of common law duty to the Plaintiffs;
- (5) whether or not the Defendants conspired together to injure the Plaintiffs;
- (6) whether the Plaintiff has suffered any loss or damage, and if so what amount, as a result of the alleged breaches of duty or alleged conspiracy on the part of the Defendants.



- [14] Arising from the triable main issues, there are also numerous factual disputes which ought to be tried by *viva voce* evidence and which cannot be dealt with on the cold printed words of documents. These factual disputes include (a) whether any of the Defendants has stolen or misused the Plaintiffs' confidential information; (b) whether any of the Defendants has poached the Plaintiffs' customers; (c) whether any of the Defendants has done any act which damaged or prejudiced the Plaintiffs' reputation; (d) what was the reason the Defendants left their services with the Plaintiffs at or about the same time; etc.
- [15] From the totality of the cause papers filed and exchanged in the present case, this Court has found that the Plaintiffs' pleaded case against the Defendants is not obviously unsustainable.

CONCLUSION

- [16] In conclusion, this Court has decided that this is not a suitable case for summarily striking out the Plaintiffs' claims against the Defendants.
- [17] Accordingly, this Court on 2 October 2020 dismissed the Defendants' application in Enclosure 10 with costs.

Dated: 23 OCTOBER, 2020

(TEE GEOK HOCK)
Judicial Commissioner
High Court Of Malaya At Shah Alam
(NCVC 10)



[2020] 1 LNS 1622

Legal Network Series

COUNSEL:

For the plaintiffs - Vijay Ruben Kannan & Thulasi Ramadass; M/s Thulasi Ramadass

For the defendants - Michael Chow; M/s Michael Chow

Legislation referred to:

Rules of Court 2012, O. 18 r. 19